



UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS PELANCARAN WAQAF AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024
DAN
PELANCARAN MUSHAF AL-HUFFAZ**

TARIKH:

1 MAC 2024 (JUMAAT)

TEMPAT:

KOMPLEKS NASYRUL QUR'AN, PUTRAJAYA

Terima kasih saudara/ saudari
pengacara majlis.
Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADDIMAH

1. Alhamdulillah. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan rahmatnya, maka, dapat kita bersama di dalam **Majlis**

Pelancaran Wakaf Al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2024 dan Pelancaran Mushaf Al-Huffaz pada malam ini.

- 2. Majlis ini amat bermakna kerana inilah manifestasi kegigihan kita semua di dalam membina ketamadunan Islam selaras dengan usaha melahirkan “ummatan wasata”, umat yang progresif dan mempunyai nilai ihsan dalam menjayakan agenda Malaysia Madani.**

3. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan **jutaan terima kasih kepada Yayasan Restu selaku penganjur atas dedikasi dan kerja keras dalam menjayakan usaha Waqaf Al-Quran ini.** Inisiatif Yayasan Restu ini membuka ruang dan peluang kepada umat Islam di Malaysia untuk berinfaq dan berwaqaf sebagai bekal amal jariah kerana selagi mana Al-Quran yang diwaqafkan ini digunakan pastinya akan mengalirkan pahala yang berterusan.

Sidang hadirin sekalian,

TUJUAN WAQAF AL-QURAN

4. Sepertimana kita semua sedia maklum, al-Qur'an adalah satu-satunya "mukjizat" yang masih kekal di tangan umat Islam hingga ke hari ini. Keaslian dan kebenaran wahyu ilahi yang ditinggalkan oleh baginda Nabi Muhammad SAW inilah sumber rujukan utama kita semua. Selaku umat Islam kita sewajarnya menzahirkan kesyukuran kerana masih lagi diberi kemanisan nikmat Islam dan

kemanisan beriman dengan kitab suci al-Qur'an.

5. **Waqaf Al-Quran** bukanlah sekadar menyumbang mushaf semata-mata, tetapi ianya merupakan satu langkah pelaburan untuk menyebarkan wahyu Allah SWT ini agar dipelajari dan difahami sekaligus memperkasakan usaha pentarbiyyahan (pendidikan) Islam. Para *waqif* (pemberi waqaf) ini menyediakan akses mudah kepada lebih ramai untuk menjadikan Al-Quran

sebagai teras atau asas pegangan kita kerana inilah petunjuk atau cahaya kepada kehidupan seperti yang difirmankan Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah, ayat ke-2:

ذٰلِكَ الْكِتٰبُ لَا رَيْبَ فِيْهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِيْنَ

“Inilah kitab yang tidak ada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang bertaqwa”

6. Pada masa yang sama, ini adalah ikhtiar bagi memastikan kemampuan dan kelestarian ilmu Al-Quran sebagai kitab yang di

dalamnya terkandung panduan untuk menjalani kehidupan berteraskan syariat serta ilmu-ilmu tatacara kehidupan seperti bermuamalah, ibadah, pengurusan, akhlaq dan sebagainya.

Saudara-saudari sekalian,

USAHA MENYEBARKAN AL-QURAN

7. Sesungguhnya bila disebut orang tentang tuntutan menghayati al-Qur'an ertinya, kita wajib tahu membacanya, memahaminya, menelitinya, mengkajinya dan

memanfaatkan ilmu al-Qur'an untuk faedah umat Islam dan ummah manusia seluruhnya. Satu aspek lagi yang sangat penting mengenai al-Qur'an ini ialah menyebarkannya.

8. Pada zaman ini berjuta-juta naskhah al-Qur'an dicetak sehingga tidak mungkin al-Qur'an hilang sama sekali di seluruh dunia, insya-Allah. Kita juga boleh mendengar bacaan al-Qur'an melalui alat rakaman bahkan juga melalui komputer, tablet dan telefon bimbit.

9. **Dengan bantuan teknologi juga, mushaf al-Qur'an kini dihasilkan dengan cantik, kemas dan mesra pengguna. Tabiat manusia memang meminati sesuatu yang cantik. Oleh sebab itu, penulis-penulis di zaman silam mencipta berbagai-bagai jenis khat untuk mengindahkan lagi tulisan ayat-ayat suci al-Qur'an.**
10. **Mereka juga mengiluminasikannya dengan zukhruf (hiasan) yang halal di sisi Islam. Semua ini bertujuan menarik minat umat Islam untuk**

memiliki dan membaca al-Qur'an. Dengan itu juga isi kandungan al-Qur'an dipelajari, difahami, dihayati dan dibudayakan. Inilah aspek-aspek yang diberi perhatian oleh Yayasan Restu melalui Nasyrul Quran ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

BERSAMA MENDANA-I WAQAF AL-QURAN

- 11.** Satu aspek penting mengenai al-Qur'an ini ialah menyebarkannya memerlukan gandingan kita bersama. Dana yang besar

diperlukan bagi merealisasi aspek ini. **Jadi, antara instrumen yang boleh dilaksanakan ialah melalui usaha wakaf al-Quran, iaitu mewakafkan wang tunai kepada mana-mana pemegang amanah wakaf, di mana wang modalnya dikekalkan dalam bentuk aset yang kekal kemudian manfaatnya disalurkan kepada penerima wakaf (mawquf alaih).**

12. **Wang-wang waqaf ini dikumpulkan dan kemudiannya ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan *badal*. Manfaat**

hasil wakaf tunai tersebut akan digunakan untuk kebajikan dan pembangunan ummah termasuk dalam usaha penyebaran dan pendidikan al-Qur'an.

13. **Saya terlibat dengan wakaf al-Qur'an bersama Yayasan Restu semenjak tahun 2010 ketika saya menjawat jawatan Menteri Pertahanan Malaysia.** Target wakaf al-Qur'an ini adalah kepada kaum muslimin minoriti di luar negara tanpa meminggirkan umat Islam di negara ini terutama di pedalaman.

14. **Kita sedang mencetak lebih sejuta naskhah al-Quran dan terjemahan dalam pelbagai bahasa untuk masyarakat Islam Muslimin dan Muslimat di seluruh dunia secara percuma, sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun lepas.**

15. **Program wakaf ini juga adalah untuk memastikan Nasyrul Quran yang telah dirasmikan operasinya oleh saya sendiri pada tahun 2017 yang lepas terus memainkan peranannya.**

Program wakaf ini juga melibatkan pelbagai pihak yang lebih luas merangkumi institusi kewangan, NGO, jabatan kerajaan, agensi swasta dan individu untuk mengumpulkan dana.

- 16. Bersempena dengan bulan Ramadan yang bakal tiba tidak lama yang merupakan bulan penurunan al-Qur'an dan bulan sadaqah. Justeru, program wakaf al-Qur'an ini dilaksanakan semula pada tahun ini sempena bulan tersebut secara khusus**

untuk usaha penyebaran al-Qur'an. Pada masa yang sama, program seperti ini bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia Muslim untuk beramal di bulan Ramadan terutama ibadah infaq dan sadaqah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah,

MEMBINA GENERASI QURANIK

17. “Pada masa ini terdapat 175,000 pelajar tahfiz daripada 1,199 maahad tahfiz berdaftar

sementara 125,000 pelajar tahfiz lagi di maahad tahfiz yang tidak berdaftar.” Pada tahun lepas saya telah melancarkan Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) 2.0 dan Garis Panduan Pengurusan Institusi Tahfiz.

- 18. Proses pembangunan pelan ini diurusetikan JAKIM dan pelbagai pihak termasuk Pihak Berkuasa Agama Negeri, agensi kerajaan dan persatuan-persatuan tahfiz. Bagi menghargai para penghafaz al-**

Quran (al-Huffaz), banyak pelan telah diatur seperti Maahad Tahfiz TVET (Pendidikan dan latihan Teknikal dan Vokasional) dan tujuh modul yang signifikan.

- 19. Ini bertujuan agar huffaz memiliki kemahiran teknikal dan profesional serta menunjukkan bahawa peranan dan kedudukan al-Qur'an memainkan peranan penting dalam pembangunan Malaysia MADANI. Dimensi rohaniah dalam gagasan MADANI memberi penekanan terhadap usaha pemerkasaan aspek nilai,**

akhlak, adab dan tatasusila budaya yang luhur dalam segenap aspek kehidupan masyarakat.

20. Menghafaz al-Qur'an merupakan tanggungjawab yang perlu diuruskan dengan baik agar objektif menjaga kalam Allah tercapai. Ulama menyatakan bahawa perlunya ada sekelompok penghafaz al-Qur'an (Huffaz) di kalangan umat Islam di sesuatu tempat. Ini adalah merupakan fardu kifayah. Sejak mula diturunkan, setiap wahyu yang diturunkan dijaga dengan baik

melalui penyalinan (*maktubun fis suthur*) dan dihafaz oleh para penghafaz (*mahfuzun fis sudur*).

21. Firman Allah SWT:

“(Al-Quran tetap datangnya dari Allah Dengan tidak syak lagi) bahkan ia ayat-ayat keterangan yang jelas nyata, yang terpelihara di dalam dada orang yang berilmu; dan tiadalah yang mengingkari ayat ayat keterangan Kami melainkan orang-orang yang zalim.” (al-Ankabut: 49)

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PENUTUP

22. Alhamdulillah, pada malam ini juga kita dalam tempoh setahun, Yayasan Restu secara tersusun telah merancang dan akhirnya berjaya menerbitkan sebuah mushaf yang dinamakan dengan **“Mushaf al-Huffaz”** dengan kaedah hafazan al-Quran mengikut acuan Malaysia bagi membantu para pelajar yang ingin, sedang dan selesai menghafaz al-Quran. Justeru, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas

kepada Yayasan Restu
terutamanya Nasyrul Quran di atas
kejayaan penerbitan Mushaf al-
Huffaz ini.

23. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah di atas penerbitan mushaf ini dan usaha ini semoga akan menjadi jariah dan contoh buat ummah. Juga kepada seluruh agensi agama kerajaan, swasta dan seluruh NGO yang bergerak untuk menyemarakkan Gagasan Negara Madani ini.

24. Marilah kita sama-sama terlebih dahulu menjadi generasi al-Qur'an dengan menghayati dan menerokai kandungan kitab suci al-Qur'an iaitu dengan membaca serta memahami ayat demi ayat. Jadikan pembacaan al-Qur'an itu amalan kita setiap hari. mudah-mudahan kita akan memperolehi keberkatan dan petunjuk. Marilah kita bersama-sama mendoakan semoga majlis ini menghasilkan kesan positif terhadap anjakan minda dan sikap untuk umat Islam amnya.

25. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, **saya melancarkan program “Wakaf al-Quran Peringkat Kebangsaan 2024 dan Mushaf al-Huffaz** dengan iringan doa agar ia mencapai matlamat murninya dan tersebar luas di tengah masyarakat.
26. Sekian. Wabillahit taufiq wal Hidayah. Wassalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh.